

TM

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **41**

## TUTUP AURAT SUPAYA SELAMAT

Allah s.w.t. mengharamkan wanita mendedahkan kecantikan zahimya, bukan bertujuan menyekat kebebasan wanita, tetapi kerana Allah menyayangi wanita. Tidak ada wanita yang akan teraniaya dan menderita kerana hukum menutup aurat. Sebaliknya, dengan mendedahkan aurat mereka telah menzalimi diri mereka dan merosakkan orang lain.

**110** Ramai Wanita Menghuni Neraka?

**96** Komitedkah Aku dalam Mendalami Islam?

**68** Riba, Umpama Dirasuk Syaitan

**25** Aib Orang Diselindung, Aib Sendiri Disorok

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

41



RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (S/S)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
Incorporated in Malaysia

# Pengislaman Ilmu

**Al-Quran tidak dilihat hanya sebagai sumber wahyu daripada Allah untuk dibaca oleh manusia bagi mendapat fadilat atau pahala, tetapi ia juga petunjuk kepada seluruh manusia dan orang yang berjiwa *muttaqin* (orang yang bertakwa).**

**A**da orang bertanya; apa perlunya ilmu yang ada pada hari ini diislamkan? Semua ilmu yang ada sesuai dengan Islam kerana ia memberi manfaat. Ilmu dari Barat umpamanya sudah memenuhi kriteria Islam kerana ia memberi manfaat kepada manusia.

Oleh sebab itu, agenda pengislaman ilmu semata-mata adalah suatu usaha yang sia-sia dan tumpuan harus diberikan untuk menguasai ilmu barat dan timur kerana ia menjadi syarat untuk kemajuan masa hadapan.

Kenyataan di atas boleh dijawab secara jawapan perbandingan. Ada beza antara agama Islam dengan agama-agama yang lain. Kalau tidak ada beza, semua agama harus dianggap sama benar dan sama betul. Ia membawa kepada fahaman pluralisme agama.

Namun, hakikatnya tidak begitu. Islam memperjuangkan risalah tauhid sedangkan agama lain berbeza dengan Islam itu sendiri. Ilmu yang terdapat di barat atau timur tidak semestinya lahir daripada sumber agama. Sebahagian besarnya lahir daripada tradisi falsafah dan pendekatan empirikal yang hanya mementingkan uji kaji dan dapatan hasil pemerhatian, kajian dan renungan akhlah semata-mata. Peranan agama terlalu kecil, malah tiada langsung.

Perspektif barat tentang agama dihubungkan sebagai perkara individu. Ia



tidak ada kaitan dengan ilmu, pendidikan dan tamadun. Agama dilihat sebagai ritual yang menghubungkan diri dengan sistem kepercayaan dan ia dianggap sebagai dogma atau tahyul kerana asas rasional dan saintifiknya tidak ada.

### Gandingan dalam Ilmu Islam

Islam ialah gandingan suatu sistem kepercayaan dan cara hidup. Faktor aqidah, syariah, ibadah dan akhlak terhubung langsung dengan ilmu, pendidikan dan juga tamadun. Bukti silam menunjukkan tamadun Andalusia terbangun bukan sahaja atas kekuatan ilmu mengurus diri ('*ulum naqliyah*), tetapi juga hebat dengan ilmu mengurus sistem ('*ulum 'aqliyah*).

Ilmuwan Islam seperti Ibn Sina, al-Khawarizmi, Abu Qasim al-Zahrawi, Ibn Haitham dan al-Biruni yang merupakan pakar perubatan, pakar matematik, pakar bedah dan pakar astronomi turut menguasai ilmu al-Quran. Mereka bukan hanya membaca apa-apa yang tersurat (*huffaz*), tetapi mengkaji apa-apa yang tersirat dan menyebabkan lahirnya tradisi dan tamadun ilmu yang menjadi landasan kepada kemajuan dan perubahan suatu ketika dulu.

Al-Quran tidak dilihat hanya sebagai sumber wahyu daripada Allah untuk dibaca oleh manusia bagi mendapat fadilat atau pahala, tetapi ia juga petunjuk kepada seluruh manusia dan orang yang berjiwa *muttaqin* (orang yang bertakwa). Al-Quran tidak sahaja dilihat sebagai suatu mukjizat daripada Pencipta, tetapi memberi pedoman dan petunjuk mengenai alam, persekitaran dan juga kehidupan.

Suatu ketika dalam tamadun Islam di Andalusia, ilmu Islam berkembang secara bersepadu. Tidak wujud dualisme atau dikotomi dalam pemikiran, ilmu dan pendidikan. Tamadun ini menghasilkan ilmuwan yang holistik kefahamannya terhadap alam dan penciptaan. Ia telah melahirkan suatu corak tamadun yang membawa perubahan kepada dunia.

### Barat Mencedok Ilmu Islam

Orang barat dan Eropah berada dalam zaman "kegelapan" pada waktu itu. Pakar dalam bidang-bidang tertentu mendatangi Andalusia dan menterjemahkan kitab-kitab besar yang mengandungi ilmu saintifik, matematik, ilmu perubatan dan pembedahan, ilmu astronomi dan falsafah ke dalam bahasa Latin dan Ibrani.

Kitab *al-Qanun fi al-Tib* ialah buku tentang ilmu perubatan karangan Ibn Sina umpamanya, diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan dijadikan sumber rujukan pengajian ilmu perubatan di Barat

selama berabad-abad lamanya.

Ilmu-ilmu ini berkembang di barat sebagai sumber pencerahan dan dalam jangka masa panjangnya menghasilkan *renaissance*, reformasi, revolusi industri dan akhirnya menjadikan barat sebagai kuasa penakluk terhadap negara lain khususnya terhadap negara-negara Islam.

Ilmu-ilmu ketamadunan dari Andalusia ini mengalami orientasi baru di barat, di tengah-tengah konflik serius pendukung-pendukung Kristian. Para saintis mengalami pertelagahan epistemologi (tubuh ilmu) mengenai ajaran Kristian dan keserasian ilmu saintifik. Orientasi ini menyebabkan ilmu ketamadunan dari Andalusia mengalami proses sekularisasi dan disisihkan daripada agama.

Orientasi ilmu dan sejarah ini telah menjadikan barat tidak sahaja mendukung ilmu-ilmu sekular, tetapi menjadi landasan berkembangnya fahaman liberal dan kini dikenal sebagai fahaman *neo-liberalisme*. Ia bercanggah dengan Islam yang mendukung kesepaduan ilmu duniawi dan ukhrawi.

Pada hari ini, ilmu-ilmu dari barat lebih bersifat mekanistik dan teknologikal, malah ia menjadi keperluan semasa serta sifatnya dinamik yang sentiasa berubah. Selama lebih 700 tahun mendominasi keilmuan ini, ia menghasilkan fahaman dan ideologi yang asing berbanding Islam seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme. Fahaman ini menjadikan teknologi tinggi (*high-tech*) sebagai sandaran kemajuan dan perubahan.

Tradisi pengilmuan dalam tamadun Islam memberi fokus terhadap pembangunan insan (*rijal*). Al-Quran umpamanya memberikan pedoman dan petunjuk kepada manusia supaya tidak menjadikan aspek mekanistik dan teknologikal sebagai alat untuk membangunkan insan bersama dengan kualiti keinsanannya (*high-touch*). Ia bertujuan supaya nilai-nilai amanah, keadilan, ketelusan dan ketulusan, kejujuran dan kebijaksanaan dijadikan landasan untuk membangunkan manusia dan sebagai perubahan supaya kemajuan yang terjadi lebih manusiawi sifatnya.

Oleh sebab itu, asas kepada perubahan ini ialah ilmu. Ilmu yang terhasil daripada pemikiran manusia sahaja tidak mencukupi untuk meleraikan kefahaman manusia tentang Pencipta, manusia dan alam, ke-

jadi, peristiwa dan persekitaran. Manusia memerlukan pedoman dan petunjuk yang lebih beribawa supaya persoalan ghaib dan nyata dapat difahami secara lebih telus dan mampu membangun akal, hati dan peribadi manusia sekali gus.

### Menyepadukan Islam dalam Ilmu

Corak perubahan dan pembangunan masa kini lebih banyak mengarah kepada resam haiwani yang menjadikan manusia tamak dan haloba, gopoh dan rakus menguasai sumber-sumber alam, mementingkan diri sendiri, bersifat kebendaan, mengutamakan syahwat dan keseronokan zahiri sebagai matlamat hidup.

Membawa kembali manusia dalam resam manusiawi yang tinggi memerlukan pengolahan semula terhadap tasawur atau pandangan semesta alam tentang ilmu dan pendidikan supaya asas epistemologi (tubuh ilmu) itu berkembang dalam bentuk yang bersepadu. Ilmu akhlah dengan ilmu *naqliyah* seharusnya menjadikan ilmu itu mampu menyatukan diri dan menghasilkan corak pemikiran yang sepadu.

Apabila ilmu dan pendidikan diolah dengan mengambil kaedah bersepadu, nilai-nilai yang islamik dan alamiah akan dimasukkan ke dalam tubuh ilmu supaya sifat ilmu itu berteraskan nilai (*value-laden*) dan tidak lagi bebas nilai (*value-free*) seperti yang terdapat kini.

Islamisasi dalam bahasa mudah ialah kemasukan nilai-nilai al-Quran dalam tubuh ilmu supaya ia menghasilkan tasawur atau pandangan alam semesta yang sifatnya mencakupi semua aspek. Bukan sahaja aspek mekanistik dalam ilmu dan pendidikan dijadikan sandaran, tetapi nilai guna bagi ilmu dan kemahiran memiliki pedoman.

Ilmu dan pendidikan seharusnya mengalami proses islamisasi untuk menghasilkan modal insan yang holistik. Insan memerlukan pemikiran dan pemahaman bagi merintis jalur berfikir yang terarah dan pada masa yang sama juga memerlukan pedoman etika dan nilai supaya ilmu dan teknologi umpamanya tidak disalahgunakan.

### Peringatan Buat Muslim

Islam tidak menentang barat. Banyak ilmu dari barat yang sifatnya mekanistik dan teknologikal mempunyai manfaat yang baik. Tetapi, umat Islam diminta berwaspada terhadap proses perbaratan yang sedang berlaku kerana ia turut mendukung gaya hidup, budaya popular dan media baru yang boleh memberi kesan negatif terhadap cara hidup orang Islam sendiri. Oleh sebab itu, umat Islam harus memiliki upaya menyaring yang tinggi



**Prof. Dato' Dr. Sidek Baba**

Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM. Penerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

supaya tidak terjebak dengan proses liberalisasi yang cuba mencabut akar agama dan tamadun.

Islam menganggap teknologi selamanya alat, bukannya matlamat. Matlamat yang terkandung dalam teknologi ditentukan oleh nilai guna yang ada pada alat itu. Komputer umpamanya ialah alat dan bersifat teknologikal. Ia memudahkan manusia mendapatkan, menyampaikan dan memperkayakan maklumat. Yang amat dipentingkan dalam Islam ialah kualiti maklumat itu. Adakah maklumat dan program serta perisian mampu meningkatkan kualiti akal budi insan? Jika ia benar,

**Pemahaman seperti ini penting untuk dipupuk dalam tradisi keilmuan dan pendidikan supaya binaan fikrah insan mengarah kepada kemuliaan diri bukannya kepada kerakusan dan mementingkan diri yang sifatnya merosakkan. Al-Quran memberi pedoman bahawa kerosakan yang berlaku di alam ini akibat perbuatan tangan-tangan manusia.**

maka teknologi adalah sesuatu yang bermanfaat.

Pemahaman seperti ini penting untuk dipupuk dalam tradisi keilmuan dan pendidikan supaya binaan fikrah insan mengarah kepada kemuliaan diri, bukannya kepada kerakusan dan mementingkan diri yang sifatnya merosakkan. Al-Quran memberi pedoman bahawa kerosakan yang berlaku di alam ini merupakan akibat perbuatan tangan-tangan manusia sendiri.

Oleh sebab itu, islamisasi ilmu adalah suatu agenda penting untuk mengembalikan ilmu dan pendidikan supaya ia selari dengan fitrah. Fitrah

ilmu dan pendidikan yang islami tidak sahaja membangunkan akal dan fikiran insan semata-mata, tetapi sekali gus dapat menyuburkan hati dan budi insan supaya cerminan amal dan tingkah laku merintis kepada budaya adab.


Rasulullah s.a.w. memberikan landasan "أدبني ربي فأحسن تأديبي" yang merujuk kepada kepentingan adab dan *ta'dib* sebagai asas perubahan pemikiran dan diri manusia. Adab dalam bahasa mudah dirujuk sebagai:

Disiplin akal: Ilmu yang diterima.

Disiplin hati: Nilai yang diserapkan.

Disiplin amal: Ia memberi arah pada kegiatan hidup insan.

Apabila pembangunan hati terjadi dengan sistem tarbiah yang baik, maka gerak dan pedoman hati bakal memberi arah kepada amalan dan perbuatan. Sekiranya hati diterapkan dengan nilai amanah, adil, telus dan tulus, maka corak amal yang terjadi sedemikian juga sifatnya. Hal ini sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis Baginda bahawa dalam tubuh manusia ada seketul darah. Apabila ia baik, baiklah pekertinya. Ia ditakrifkan sebagai hati. Pembangunan hati dalam erti kata yang luas disertakan dengan pembangunan akal bakal mencetus perubahan yang terarah. Inilah maksud islamisasi yang luas dan diperlukan oleh umat manusia. **S**



# PEMENANG

TEKA SILANG KATA SOLUSI SIRI 35

TAHNIHAH!

- pertama**  
SHARIFAH HANISAH BT. MUKHTAR  
Kajang, Selangor
- kedua**  
ANIZAH BT. DERISA  
Kota Belud, Sabah
- ketiga**  
MOHD FIRDAUS MOHAMED NAWI  
Permatang Pauh, Pulau Pinang
- saguhati**  
NUR IZAN BT. YUSOFF  
Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur
- NUR FATIHAH BT. RUZI  
Kota Bharu, Kelantan
- RAPIAH BINTI KADIR  
Wakaf Bharu, Kelantan
- NORFEZLINA BINTI ROSLEY  
Bertam Jaya, Melaka
- MUHAMAD HUSSAINI MOHAMAD  
KHOTIB Padang Serai, Kedah

JAWAPAN SILANG KATA SIRI 35

K	O	H	E	R	E	N	C	A	K	E	R	A
	I			A			R				E	
R		N			R	A	U	B			P	E
A	A		I		A	N	T	I	H		E	
B	O	P	E	N	G		G	T	U	A	S	
U			G				G	E	R	A	U	
N	E	O	P	R	E	N	A		A	R	R	U
G			A				A	L	U	S	I	E
	G	E	N	T	A	K		I	N	T	I	M
K		N			L	A	K	A		T		P
I		G	A	N	U		L		L	E	M	A
R	I	K	U	H		L	E	K	I	R		R
I		A					P	A	C	I	H	
K	A	H	A	N	G		H	I	M	B	A	U

### SYARAT DAN PERATURAN

- 1 Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
  - 2 Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari **1 Mac 2012** hingga **30 April 2012**.
  - 3 Tarikh tutup penyertaan: **30 April 2012**.  
Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
  - 4 Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
  - 5 Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
  - 6 Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.
- Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.
  - Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pemadam, *liquid paper* atau sebagainya.
  - Poskan penyertaan anda ke:  
Peraduan Silang Kata Siri 37  
**Telaga Biru Sdn. Bhd.**  
28 Jalan Tembaga SD 5/2A  
Sri Damansara Industrial Park  
52200 Kuala Lumpur
  - Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).